

10/01/2002

Jabatan sudah diarah laksana belanjawan dua tahun sekali

SEMUA jabatan kerajaan sudah menerima surat pekeliling untuk pelaksanaan belanjawan dua tahun sekali dan membuat persediaan untuknya, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

"Ketua Setiausaha Perbendaharaan sudah mengedarkan pekeliling baru itu kepada setiap kementerian untuk membuat persediaan sewajarnya ke arah pelaksanaan sistem belanjawan dua tahun sekali," katanya.

Mustapa berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian bagi projek perbankan menerusi Internet milik Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam), di Kuala Lumpur, semalam.

Mustapa bagaimanapun tidak memberikan butiran pekeliling itu.

Sistem belanjawan dua tahun sekali diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bagi mengatasi masalah peruntukan projek pembangunan kerajaan tidak habis dibelanjakan kerana masalah birokrasi.

Proses mengenal pasti projek dan mengambil alih tanah memakan masa yang lama sehingga menyebabkan projek yang dirancang pada sesuatu tahun tidak dapat dilaksanakan pada tahun yang sama.

Sementara itu, Mustapa berkata, bank perlu melihat dalam jangka panjang untuk mengeluarkan belanja besar bagi membangunkan prasarana perbankan Internet kerana meraka akan mendapat manfaat penjimatan besar dalam jangka panjang.

"Perbankan Internet akan membolehkan bank mewujudkan asas pelanggan yang lebih besar tanpa perlu membuka cawangan baru.

"Bank juga boleh berkembang menjadi gedung kewangan setempat menerusi perbankan Internet yang mana pelbagai produk dan perkhidmatan dapat dijual kepada pelanggan menerusi gerbang yang sama," katanya.

Katanya, capaian Internet di Malaysia sedang berkembang pesat. Bank harus melihat masa depan dan memahami perubahan arah aliran pelanggan.

Adalah dijangkakan dalam tempoh dua tahun akan datang, saiz pasaran perbankan Internet di Malaysia akan mencecah 1.1 juta pengguna di rumah. Ini mempunyai potensi untuk menjana sehingga 1.6 juta akaun perbankan dalam talian.

(END)